

Cabaran Berbeza Memancing Di Kelong



Oleh: Nor Hidayah binti Tamrin

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Diterbitkan pada 10 Jun 2021

Kelong adalah sejenis binaan luar pesisir yang diperbuat dari kayu dan boleh ditemukan di perairan Malaysia, Filipina dan Indonesia. Sebilangan kecil kelong masih wujud di Singapura.

Ia dibina oleh para nelayan untuk tujuan perikanan. Namun, ada kelong bersaiz besar yang dijadikan kediaman keluarga nelayan.

Kelong dibina tanpa menggunakan paku. Sebaliknya, rotan digunakan untuk mengikat kayu balak dan papan yang menjadi bahan binaan.

Kelong biasanya ditemukan di perairan cetek, dilabuhkan pada dasar laut sedalam enam meter dengan cerucuk kayu sepanjang 20 meter.

Lokasi sesetengah kelong tidak begitu terpencil kerana dihubungkan dengan darat melalui laluan papan. Ada juga jenis kelong bergerak, selain kelompok besar kelong yang membentuk komuniti luar pesisir yang besar.



Kelong Pozi, Lukut, Negeri Sembilan. Sumber: Google

Walaupun aktiviti memancing di kelong telah lama bertapak di Malaysia dan tidak asing lagi dalam kalangan kaki pancing, masih ramai yang tidak mengetahuinya.

Antara kelong yang terkenal dan menjadi sebutan dalam kalangan kaki pancing adalah Kelong Acheh, Mersing, Johor; Kelong Mamod, Lukut, Negeri Sembilan; Kelong Pozi, Lukut, Negeri Sembilan; Kelong Paradise Resort, Sabak Bernam, Selangor; Kelong Nazri, Bagan Lalang, Selangor dan Kelong Iwan de Pengkalan, Pulau Indah, Selangor.

Memancing di kelong sebenarnya satu gaya pancingan yang pasif. Hal ini kerana kelong merupakan struktur tetap di pesisir laut yang menyebabkan pemancing tidak bebas untuk mengikut pergerakan ikan dan terpaksa menunggu kumpulan ikan menghampirinya.

Peluang sebeginilah yang membolehkan kaki pancing memerah segala teknik memancing mereka dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan hasil yang lumayan.

Terdapat tiga kaedah pancingan yang sering digunakan semasa memancing di kelong iaitu menghanyut, dasar dan koyan.

Menghanyut adalah teknik utama yang biasanya dilakukan pada waktu siang untuk menyasarkan spesies seperti todak, talang pandan, senangin dan parang.

Spesies talang pandan dan todak biasanya berada di sekitar kelong setiap waktu. Apabila tiba musimnya, spesies tenggiri juga diburu dengan menggunakan teknik ini.

Dari segi umpan yang digunakan pula, tamban merupakan umpan terpenting dan saiz umpan yang besar akan menjanjikan hasil yang besar juga.

Untuk mencari spesies selar, sebaiknya menggunakan Apollo saiz 5, 7 atau 9. Umpan Apollo juga kadangkala boleh menjerat sagai, todak dan talang pandan.

Untuk memancing alu-alu besar, umpan talang pandan dan todak yang bersaiz antara 200 hingga 400 gram adalah yang terbaik.

Umpan yang dihanyutkan berhampiran kelong mudah menjerat spesies talang, talang pandan dan todak.

Jika menyasarkan tenggiri dan alu-alu, sebaik-baiknya umpan dilepaskan sekurang-kurangnya 50 meter dari kelong kerana ia memberi kelebihan untuk pemancing melemahkan mangsa sebelum ia menghampiri kelong.

Selain itu, faktor pasang surut air dan cuaca turut mempengaruhi pergerakan ikan. Waktu terbaik adalah ketika air pasang pagi atau petang.

Waktu tengah hari bukanlah waktu yang sesuai kerana faktor cuaca yang terik serta tiupan angin yang kuat akan mengganggu aktiviti memancing.

Walau bagaimanapun, waktu air pasang pagi menjanjikan hasil yang lebih baik dan banyak. Oleh kerana itu, kaki pancing gemar bermalam di kelong supaya mereka berpeluang untuk memancing pada waktu air pasang pagi iaitu seawal pukul 5 pagi.

Terdapat beberapa adab atau pantang larang yang perlu dipatuhi semasa memancing di kelong. Segala benda hidup dari darat tidak boleh dibawa ke laut.

Benda hidup tersebut termasuk buah-buahan, ayam, dan daging. Jika ia dibawa ke laut dipercayai hasil tangkapan akan berkurangan malah lebih teruk lagi, mungkin pulang dengan tangan kosong.

Kebanyakan kaki pancing kini lebih gemar menjinakkan ikan di kelong-kelong yang terdapat di sekitar Malaysia.

Seboleh-bolehnya mereka ingin mencuba nasib untuk bertarung dengan ikan-kan besar di setiap kelong yang berbeza kerana setiap kelong memiliki keistimewaan dan kelainan masing-masing.

Bagi sesiapa yang mempunyai hobi memancing tetapi belum mempunyai pengalaman memancing di kelong seharusnya mencari peluang untuk mencubanya sendiri.

